

TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
SKIM GALAKAN KHATAM AL-QURAN MURID-MURID DI BAWAH UMUR 10 TAHUN BAGI
SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA DAN ARAB KALI KE-28
TAHUN 1440H-1441H/2020M

YANG MULIA
PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI BAHROM BIN PENGIRAN HAJI BAHAR
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PADA
HARI ISNIN
23 JAMADILAKHIR 1441H BERSAMAAN 17 FEBRUARI 2020M

JAM
2.00 PETANG

BERTEMPAT
DI DEWAN SERBAGUNA
SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA
KAMPONG KATOK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia,

Ustaz Haji Shamshol bin Haji Omar

Pemangku Pengarah Pengajian Islam selaku Pengerusi Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah Ugama dan Arab Kali Ke-28, Tahun 1440H-1441H/2020M.

Yang Mulia,

Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail,
Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan,
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Pengarah-Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan,
Pengetua-Pengetua, Guru-Guru Besar, Para Iubapa dan Penjaga Murid,
Peserta-Peserta dan hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, peramba/saya bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir pada petang ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah Ugama dan Arab Kali Ke-28, Tahun 1440H-1441H/2020M.

Peramba/saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Majlis kerana menjemput peramba/saya hadir bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah di Majlis ini.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Majlis yang diadakan buat kali ke-28 ini merupakan satu pengiktirafan yang sangat bernilai kepada para murid yang telah berjaya mengkhatamkan bacaan 30 juz Al-Quran sebelum mencapai umur 10 tahun. Selain itu, Majlis ini juga boleh menjadi medium suntikan semangat dan motivasi kepada murid-murid atau rakan sebaya mereka agar terus berjinak-jinak dengan pembacaan Al-Quran. Dan Skim ini juga diharapkan sebagai salah satu pendekatan strategik dan kayu ukur bagi kemajuan sekolah-sekolah ugama dalam usaha melahirkan para murid yang berkepandaian dan berkemahiran dalam pembacaan Al-Quran dan sentiasa berusaha untuk mengamalkan ajarannya dalam kehidupan seharian.

Para hadirin dan hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Sebagaimana yang kita semua maklum, kitab suci Al-Quran adalah sumber rujukan utama dalam Islam merangkumi perkara-perkara yang berhubung-kait dengan ilmu Aqidah (Tauhid), Syariah (Ibadat) dan Akhlak (Etika) yang perlu kita fahami, kemudian kita amalkan dan hayati pengajarannya. Ke arah itu, mempelajari, memahami, men'tadabbur' ayat-ayatnya adalah sangat penting dan menjadi keutamaan. Oleh itu, adalah sangat ditekankan agar pembelajaran dan pemahaman mata pelajaran Al-Quran perlulah diperkasakan kepada semua murid Sekolah Ugama dan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah dan Sekolah Arab sebelum mereka melanjutkan pelajaran agama ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Begitu juga dengan setiap masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam adalah menjadi satu kewajipan untuk mempelajari Al-Quran. Semoga dengan mempelajari dan memahami Al-Quran, masyarakat Islam akan menjadi masyarakat bersatu hati, sentiasa berpegang dengan ajaran Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap.

Kita di Negara Brunei Darussalam telah meletakkan pelajaran Al-Quran sebagai mata pelajaran teras yang penting bagi semua pelajar dalam persekolahan agama dan Arab. Sesuai dengan salah satu objektif penubuhan Sekolah Ugama di Negara Brunei Darussalam supaya semua murid akan fasih dan lancar dalam membaca Al-Quran. Justeru, Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun ini jelas memperlihatkan

usaha dan inisiatif Jabatan Pengajian Islam yang bersungguh-sungguh sebagai salah satu cara dalam memperkasa dan memertabat mata pelajaran Al-Quran dan ia adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat pendidikan Al-Quran terus diutamakan di setiap peringkat pembelajaran dan pengajian.

Mengenai keutamaan pembelajaran Al-Quran ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah di Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440H/2019M yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Antara petikan titah baginda tersebut:

“Beta ingin melihat, pelajar-pelajar bukan sahaja diberikan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam, tetapi juga secara khusus diberikan pelajaran Al-Quran.

Oleh itu, Beta mengharapkan, supaya pihak-pihak bertanggungjawab dalam hal ini dapat memberikan inisiatif yang praktis ke arah mengembangkan kemahiran membaca Al-Quran itu secara berterusan. Inilah antara maksud menjana pembelajaran Al-Quran.

Untuk mencapai barakah dalam kehidupan, kita mesti kembali kepada Al-Quran. Kerana Al-Quran itu kitab Allah, petunjuk jalan yang lurus.”

Pada hemat peramba/saya, Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun yang diadakan hingga ke hari ini perlulah diteruskan dan dipertingkatkan iaitu meliputi aspek-aspek kemahiran pembacaan Al-Quran seperti bertaranum dan sebagainya. Melalui dapatan-dapatan dari Skim ini juga akan dapat membantu terutamanya guru-guru agama yang ditugaskan untuk mengajar Al-Quran untuk terus berusaha memberikan nilai-tambah terhadap kaedah pengajaran mereka iaitu dari sudut pembelajaran dan pengajaran Al-Quran demi memastikan para murid fasih dan lancar membaca Al-Quran dan seterusnya memahami dan menghayati ajarannya.

Sebagai peringatan dan ristaan bersama bahawa sebaik-baik kelompok di kalangan kita itu adalah yang belajar Al-Quran dan yang mengajarkannya. Baginda *Shallallahu 'Alaihi Wasalam* bersabda:

عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya:

“Sebaik-baik di kalangan kamu orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya”

(HR Al-Bukhari)

Para hadirin/hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Kepada ibubapa dan penjaga murid yang dira'ikan, peramba/saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kerana anak-anak abiskita

telah berjaya mengkhatamkan pembacaan Al-Quran mereka dengan baik dan sudah setentunya abis kita merasa gembira dan ianya merupakan satu pelaburan yang memberikan keuntungan di dunia dan di akhirat kelak. Perkara ini perlu diteruskan dan perlu ada kesinambungan dari kejayaan ini agar anak-anak abiskita, para murid bermotivasi dalam mempelajari bacaan Al-Quran melalui pendedahan kaedah dan teknik pembelajaran yang terkini dan menarik. Peramba/saya menyeru kepada pihak berkepentingan akan dapat terus berinovatif dan memikirkan aktiviti-aktiviti yang berkesan ke arah menjayakan kemahiran anak-anak kitani dalam bidang Al-Quran.

Oleh yang demikian, peramba/saya mengambil kesempatan berseru untuk kita sama-sama terus berusaha dan istiqamah dalam memotivasikan anak-anak kitani supaya sentiasa melazimkan diri dengan Al-Quran secara berterusan.

Akhirnya, peramba/saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada murid-murid yang terpilih dalam Skim Galakan Khatam Al-Quran ini, semoga program serupa ini terus menjadi pendorong dan perangsang kepada anak-anak yang lain.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ